


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Kasih Sayang di dalam Rumah —

NASIHAT DARI NABI KITA

Kehidupan Keluarga Yang Diberkati

“Apabila kita sudah mengalami banyak perkara dalam dunia ini dan sudah nampak banyak perkara yang sepintas lalu dan superfisial dalam dunia ini, kesyukuran kita terhadap hak istimewa untuk menjadi sebahagian yang dapat kita bergantung pada—rumah dan keluarga dan kesetiaan dari orang yang kita sayangi pun bertambah. Kita dapat mengenali maksud untuk diikat bersama oleh tugas, kehormatan, dan kemilikan. Kita belajar bahawa tidak ada sebarang hal pun yang dapat menggantikan dengan sepenuhnya perhubungan kehidupan keluarga yang diberkati”.¹

Berkongsi Kasih Sayang Kita

“Berikan anakmu satu pujian dan pelukan; dan berkata, ‘Saya sayangi mu’ lebih kerap-kali; sentiasa menunjukkan kesyukuranmu. Jangan biarkan masalah yang perlu diatasi menjadi lebih penting daripada orang yang perlu dikasihi. Sahabat-sahabat berpindah, anak-anak akan menjadi besar, orang yang kita sayangi meninggalkan dunia. Memangnya adalah mudah untuk tidak menghargai orang lain, sehingga bila mereka sudah pergi daripada hidup kita dan kita ditinggal dengan perasaan ‘jikalau’ dan ‘jika hanya.’ . . .

“Biarlah kita menikmati kehidupan ini bila kita masih hidup, memperoleh kebahagiaan dalam perjalanan dan berkongsi kasih sayang kita dengan sahabat dan keluarga. Pada satu hari nanti, kita setiap orang akan kehabisan hari esok. Janganlah kita tidak mempedulikan perkara yang paling penting.”²

Berkongsi Kasih Sayang Kita

“Saudara, biarlah kita melayan isteri kita dengan maruah dan kehormatan. Mereka adalah teman abadi kita. Saudari, hormatilah suami anda. Mereka perlu mendengar kata yang baik. Mereka perlu senyuman yang ramah. Mereka perlu pertunjukan kasih sayang yang mesra. . . .

“Kepada para ibubapa, saya berkata, tunjukkan kasih sayang kepada anak-anak anda. Anda tahu bahawa anda menyayangi mereka, tetapi pastikan mereka tahu juga. Mereka memang berharga. Biar mereka tahu. Berdoa kepada Bapa Syurgawi kita untuk bantuan bila anda menjaga keperluan mereka setiap hari dan bila anda menghadapi cabaran yang tidak dapat dilakukan sebagai ibubapa. Anda perlukan lebih daripada kebijaksanaan anda diri sendiri untuk membesarkan mereka.”³

Menunjukkan Kasih Sayang Kita

“Kepada para ibubapa, tunjukkanlah kasih sayang anda kepada anak-anak anda. Berdoa demi mereka supaya mereka dapat menahan kejahatan dunia ini. Berdoa supaya mereka dapat bertumbuh dalam iman dan kesaksian. Berdoa supaya mereka akan mengejar hidup yang baik dan melayan orang lain.,

Kanak-kanak, biarlah ibubapa anda tahu bahawa anda menyayangi mereka. Biarkanlah mereka tahu betapa banyak anda menghargai segala yang sudah mereka lakukan dan terus melaku bagi anda.”⁴

Perkara Yang Penting

“Perkara yang terpenting selalunya melibatkan orang yang mengelilingi kita. Banyak kali kita menganggap bahawa mereka mesti tahu betapa banyak kita menyayangi mereka. Tetapi kita tidak harus menganggap; kita harus biarkan mereka tahu. William Shakespeare menulis, ‘Mereka tidak menyayangi orang yang tidak menunjukkan kasih sayang.’ Kita tidak akan menyesal tentang kata-kata yang murah hati atau kasih sayang yang ditunjukkan. Sebaliknya, kekesalan kita akan datang jika kita meninggalkan perkara-perkara tersebut dari perhubungan kita dengan orang yang paling bererti kepada kita.”⁵

Membawakan Syurga Lebih Dekat

“Semoga keluarga dan rumah tangga kita dipenuhi dengan kasih sayang: kasih sayang terhadap satu sama lain, kasih sayang terhadap injil, kasih sayang terhadap saudara-saudari kita, dan kasih sayang terhadap Juru-selamat. Sebagai hasilnya, syurga akan menjadi lebih dekat pada bumi.

“Semoga kita menjadikan rumah kita tempat perlindungan di mana ahli-ahli keluarga kita ingin kembali.”⁶

Satu Doa Untuk Keluarga

“Kerana keluarga dibawah serangan dunia hari ini, dan banyak perkara yang dianggap kudus telah diejek, kita berdoa kepada Anda, Bapa kami, untuk mem-buatkan kita setanding dengan cabaran-cabaran yang kami temui, supaya kami akan berdiri dengan kukuh demi kebenaran dan kesolehan. Semoga rumah kita adalah syurga untuk kedamaian, kasih sayang dan kerohanian.”⁷

CATATAN-CATATAN

1. “A Sanctuary from the World,” *Worldwide Leadership Training Meeting*, Feb.9, 2008, 29.
2. “Joy in the Journey” (Brigham Young University Women’s conference, May 2, 2008), <http://ce.byu.edu/cw/womensconference/archive/transcripts.cfm>.
3. “Abundantly Blessed,” *Liahona*, Mei 2008, 112.
4. “Until We Meet Again,” *Liahona*, Mei 2009, 113.
5. “Finding Joy in the Journey,” *Liahona*, Nov. 2008, 86.
6. “A Sanctuary from the World,” 30–31.
7. Doa dedikasi untuk Bait Suci Gila Valley Arizona, Mei 23, 2010; dalam “The Gila Valley Arizona Temple: ‘Wilt Thou Hallow This House,’” *Church News*, Mei 29, 2010, 5.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

“Dalam satu kegiatan percambahan idea, guru mempersembahkan satu soalan atau situasi dan memberikan para pelajar satu tempoh masa yang pendek untuk memberi cadangan jawapan atau idea-idea” (*Teaching, No Greater Call* [1999], 160). Bila anda membaca karangan ini bersama keluarga anda, menanya mereka untuk mendengarkan nasihat atau idea-idea yang mempengaruhi mereka. Ahli-ahli keluarga kemudian boleh mencambah idea tentang cara untuk menambah kasih sayang dalam rumah mereka. Bertimbang untuk menjemput keluarga itu untuk mengaji semula idea-idea ini dalam Malam Keluarga yang akan datang.

REMAJA

Ibu Menyelamatkan Kita

Oleh Patricia Auxier

Bila saya berumur enam, saya bersama adik perempuan saya menonton permainan bola keranjang kakak kami. Bapa saya sudah keluar, dan kami berputus untuk balik ke rumah bersama dia, jadi kami pun mengejar dia dalam hujan. Bila kami tidak dapat mencari dia, kami pusing balik ke gimnasium supaya kami dapat balik bersama ibu, tetapi bila kami masuk ke dalam gimnasium itu, semua orang sudah meninggalkan tempat itu.

Saya ingat kami berhimpit-himpit pada bingkai pintu, cuba untuk melindungi diri dari hujan, berdoa bahawa seorang akan datang. Kemudian saya ingat saya mendengar bunyi pintu van merah kami dihempas tutup, dan kami lari terhadap bunyi itu. Kemudian saya ternampak satu peringatan zaman

kanak saya yang paling jelas: ibu kami memeluk kami dalam lingkungan lengannya “bagaikan induk ayam mengumpulkan anak-anaknya di bawah sayapnya” (3 Nefi 10:4). Ibu saya sudah menyelamatkan kami, dan saya tidak akan dapat merasa lebih selamat daripada saat itu.

Bila saya memikir tentang pengaruhannya, saya mendapat bahawa kehidupan ibu sudah menunjukan saya terhadap Juruselamat dan sudah menunjukkan saya erti untuk “angkatlah tangan yang terkulai, dan kuatkanlah lutut yang lunglai” (A&P 81:5). Dia bergantung pada Yesus Kristus, yang memberikannya kekuatan “yang melebihi kekuatan dirinya sendiri” (Lord, I Would Follow Thee,” *Hymns*, no.220).

KANAK-KANAK

Membina Satu Rumah Tangga Yang Gembira

Presiden Monson mencadangkan cara-cara kita boleh membina satu rumah tangga yang gembira. Carikanlah perkara-perkara yang anda dan keluarga anda dapat lakukan untuk membina satu rumah tangga yang gembira dari karangan ini.

Setiap kali anda mendapat sesuatu yang boleh anda lakukan, catatkannya. Carikan sekurang-kurangnya lima cara anda boleh membina satu rumah tangga yang gembira dan lukiskan satu gambar rumah dengan keluarga anda di dalamnya.



Iman • Keluarga • Pertolongan

Satu Lembaga Wanita Yang Kudus

Pelajarilah pesanan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.

Eliza R. Snow, presiden umum Lembaga Pertolongan yang kedua, mengajar: “Rasul Paulus berucap pada masa purba tentang wanita yang kudus. Ia adalah tugas kita setiap orang wanita menjadi wanita yang kudus. Kita harus bertujuan tinggi, jika kita adalah wanita yang kudus. Kita harus merasa bahawa kita dipanggil untuk melaksanakan tugas-tugas yang penting. Tiada seorang pun dapat dikecualikan. Tiada seorang saudari begitu terpercil, dan pengaruhnya terhad tetapi dia boleh melakukan banyak perkara terhadap pembinaan kerajaan Tuhan pada bumi ini.”¹

Saudari, kita tidak terpercil dan pengaruh kita tidak terhad. Dengan menerima kurnia kegiatan dalam Lembaga Pertolongan, kita menjadi sebahagian yang dihurai-kan oleh Nabi Joseph “berasing dari segala kejahatan dunia—dipilih, berhemah, dan kudus.”²

Lembaga ini membantu kita untuk memperkuat iman kita dan mengembang secara rohani dengan memberikan kita peluang untuk memimpin, berkhidmat dan mengajar. Dalam perkhidmatan kita satu dimensi yang baru ditambah dalam hidup kita. Kita bermaju secara rohani, dan perasaan pemilikan, identiti, dan harga diri kita bertambah. Kita sedar bahawa

segala tujuan rancangan injil adalah untuk menyediakan satu peluang kepada kita untuk mencapai potensi penuh kita.

Lembaga Pertolongan menolong kita untuk bersedia untuk menerima berkat-berkat bait suci, untuk memenuhi perjanjian yang kita buat, dan untuk mengambil bahagian dalam tujuan Sion. Lembaga Pertolongan membantu kita untuk menambahkan iman kita, kesolehan sendirian, memperkuat keluarga, dan mencari dan membantu mereka yang berkeperluan.

Kerja Lembaga Pertolongan adalah kudus, dan dengan melakukan kerja yang kudus akan menciptakan kekudusan dalam diri kita sendiri.

Silvia H. Allred, penasihat pertama dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan.

Dari Tulisan Suci

Keluaran 19:5; Mazmur 24:3–4; 1 Tesalonika 4:7; Titus 2:3–4; Ajaran dan Perjanjian 38:24; 46:33; 82:14; 87:8; Musa 7:18

Dari Sejarah Kita

Berucap tentang para saudari Lembaga Pertolongan di Nauvoo, Nabi Joseph menegaskan kekudusan, menjelaskan bahawa bila para saudari menjadi suci dan kudus, mereka akan mempunyai satu pengaruh yang terang pada

dunia ini. Dia menjelaskan:

“Kelembutan hati, belas kasihan, dan kesucian—ini adalah perkara-perkara yang harus mengembangkan anda . . . Lembaga ini . . . akan berkuasa untuk mengarah ratu-ratu dalam lembaga ini. . . . Raja-raja dan ratu-ratu bumi ini akan datang ke Sion, dan memberi penghormatan mereka.” Para saudari Lembaga Pertolongan yang memenuhi perjanjian mereka tidak hanya dapat mengarah penghormatan dari bangsawana mulia, tetapi ‘jika anda menjagakan hak insimewa anda,’ Joseph menjanjikan para saudari, “para malaikat tidak dapat ditahan dari menjadi teman anda.”³

Bila para saudari mengambil bahagian dalam kerja melayan dan menyelamatkan orang lain, mereka menjadi kudus. Lucy Mack Smith, ibu Nabi, berkongsi tentang kebaikan yang dapat dicapai oleh Lembaga Pertolongan: “Kita mesti menghargai satu sama lain, menjaga satu sama lain, menyenangkan satu sama lain dan memperoleh arahan, supaya kita dapat bersama satu sama lain di syurga.”⁴

CATATAN-CATATAN

1. Eliza R. Snow, “An Address,” *Woman's Exponent*, Sep. 15, 1873, 62.
2. Joseph Smith, *History of the Church*, 4:570.
3. Joseph Smith, *History of the Church*, 4:605, 606.
4. Lucy Mack Smith, dalam Relief Society, *Minute Book Mac. 1842–Mac. 1844*, catatan pada Mac. 24, 1842, Church History Library, 18–19.

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

- 1.** Bagaimana saya dapat membantu para saudari yang saya kunjungi untuk memupuk dan mencapai “tujuan yang tinggi”?
- 2.** Apakah yang saya lakukan yang dapat menjadikan hidup saya “terpilih, berhemah, dan kudus”?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.

© 2011 by Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Dicitak di USA. Kelulusan Bahasa Inggeris: 6/10. Kelulusan terjemahan: 6/10. Terjemahan *Visiting Teaching Message, August 2011*. Malay. 09768 348